

SIHAT & DIJAGA RAPI

Metro Abad 25/9/2022 ms: 6

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Dungun

Anak penyu agar berkepala dua yang ditemui di Pusat Pengedaran Telur di Pantai Tanjung Jara pada 30 Ogos lalu hidup sihat dan kini dijaga rapi di Pusat Penerangan Penyu di Rantau Abang, di sini.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, anak penyu terbabit diletakkan dalam sebuah akuarium dan diberi makanan ikan segar.

Menurutnya, pihaknya berharap anak penyu itu dapat hidup dengan lebih lama dan membesar dengan sihat sebelum dilepaskan semula ke laut.

“Anak penyu berkepala dua ini adalah kes kelima yang ditemui di Terengganu namun semuanya mati dalam tempoh yang singkat.

“Hanya seekor yang ditemui di Pulau Perhentian hidup sekitar setahun enam bulan namun akhirnya mati,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis

melepaskan 300 anak penyu anjuran Kawasan Rukun Tangga (KRT) di Pantai Seberang Pintasan di sini, kelmarin.

Sementara itu, Ruzaidi berkata, pihaknya menjangkakan pendaratan penyu agar di seluruh pantai di negeri ini meningkat melebihi 7,000 ekor pada tahun ini dengan lebih

600,000 telur diletakkan sebelum ketibaan musim tengkujuh.

“Pada tahun lalu, penyu agar mencatatkan 7,229 pendaratan dengan menghasilkan 593,396 biji telur manakala penyu karah meneatatkan lapan pendaratan dengan menghasilkan




Kami menjangkakan pendaratan penyu agar di seluruh pantai di negeri ini meningkat melebihi 7,000 ekor pada tahun ini”

Ruzaidi

774 biji telur, sementara tuntung laut mencatatkan 305 pendaratan dengan telur sebanyak 3,160,” katanya.

Katanya, pindaan Enakmen Penyu Terengganu 1951 yang melarang penjualan semua spesies telur penyu dan dikuatkuasakan pada Jun lalu diharap mampu melahirkan lebih banyak anak penyu.



PENYU agar mencatatkan 7,229 pendaratan di seluruh pantai di Terengganu pada tahun lalu.